

## KPM mahu noktahkan isu gangguan seksual di institusinya

M Hifzuddin Ikhsan - Oktober 24, 2023 @ 4:12pm  
[hifzuddin@bh.com.my](mailto:hifzuddin@bh.com.my)



ALOR SETAR: Kementerian Pendidikan (KPM) sudah menguatkuasakan garis panduan pengurusan isu salah laku berkaitan gangguan seksual bulan lalu, bagi memastikan tahap keselamatan institusi pendidikan di bawah kementerian sentiasa terjamin.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata, disebabkan itu, tindakan tegas mengikut undang-undang di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) adalah usaha kerajaan melindungi golongan terbabit secara lebih berkesan.

"Kita sememangnya komited dengan kenyataan dan peringatan itu dan di peringkat KPM, kita sudah beri komitmen sepenuhnya (dalam menangani isu gangguan seksual ke atas pelajar).

"Sebab itu saya fikir penting untuk saya memperingatkan bahawa KPM tempoh hari sudah melancarkan garis panduan pengurusan gangguan seksual di peringkat institusi pendidikan.

"Ini menunjukkan kita memandang serius kes pelajar yang menjadi mangsa penderaan seksual," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu Fadhlina melancarkan Program Makanan Kesihatan (PROMAK) dan PROMAK Riang Ria Nutri anjuran syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) di Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU), di sini, hari ini.

Hadir sama Pengerusi Bernas, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Penasihat Khas Yayasan Albukhary, Datuk Seri Abdul Aziz Shahar; Ketua Pegawai Eksekutif BERNAS, Zulkiflee Abdul Rahman dan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, Abdul Muie Ngah.

Mengulas lanjut, Fadhlina berharap kes berkaitan salah laku dan gangguan seksual di institusi pendidikan dapat dinoktahkan melalui pengenalan garis panduan yang perlu dipatuhi setiap warga kementerian berkenaan.

"Ini bukan sekadar garis panduan, tetapi menunjukkan keseriusan kita memastikan isu berkait rapat gangguan seksual ini benar-benar ditangani di peringkat KPM.

"Kita berharap seluruh warga KPM memberi komitmen dalam pelaksanaan garis panduan ini bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan segera," katanya.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said mengumumkan, tindakan pendakwaan boleh dikenakan ke atas guru sekolah, jiran dan ahli keluarga kepada kanak-kanak mangsa penderaan seksual sekiranya menyembunyikan kejadian berkenaan.

Tindakan mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) itu adalah ke atas mereka termasuk orang awam yang gagal melaporkan kejadian menimpa mangsa kepada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, Azalina mengakui sehingga kini belum ada pihak yang didakwa bagi kesalahan terbabit walaupun ia termaktub di bawah undang-undang berkenaan.